



MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

MAKLUM BALAS MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK BERKENAAN LANTIKAN SHOPEE

SHOPEE SEBAGAI SALAH SATU INSTRUMEN BAYARAN ZAKAT ONLINE DAN BUKANNYA SEBAGAI AMIL ZAKAT

Medium bayaran zakat baharu Shopee diwujudkan sebagai salah satu INSTRUMEN BAYARAN (wasilah) sahaja dan ia bukanlah dikategorikan sebagai AMIL ZAKAT. Berkenaan maklum balas netizen di media sosial tentang Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah melantik Shopee sebagai Amil, adalah tidak benar sama sekali. Syarat pelantikan amil bagi menguruskan zakat telah banyak diperbincangkan oleh para ulama dan ia telahpun menjadi suatu panduan yang dipersetujui ramai sehingga kini. Sehubungan itu, bagi menguruskan hal-hal berkaitan kutipan dan agihan zakat semasa, sudah tentu MAIPk mengamalkan inovasi dan pendekatan yang terkini mengikut keadaan semasa. Sama halnya evolusi pelaksanaan ibadah zakat yang berlaku dalam masyarakat berkaitan membayar zakat ternakan dan tanaman dengan haiwan atau beras secara fizikal kemudian ditukarkan dengan hanya menggunakan nilai wang. Kemudiannya, wang tidak lagi dibawa secara fizikal tetapi terus dipindahkan ke Pusat Zakat melalui transaksi bank dalam talian dan sebagainya bagi memudahkan urusan bayaran zakat.

MAIPk mula melantik Bank Simpanan Nasional dan Pos Malaysia sebagai ejen kutipan pertama sejak tahun 2005. Bermula tahun berkenaan, kaedah ini terus diperkukuhkan dengan melantik kebanyakan bank berdaftar di Malaysia dan pelbagai ejen kutipan seperti MYEG, JomPay, Gopayz, SnapNPay dan lain-lain. Bagi tahun 2020 ini, suatu lagi inisiatif pilihan

baharu kepada masyarakat adalah melalui lantikan Shopee. Pelantikan ejen-ejen tersebut dibuat berdasarkan suatu perjanjian yang ketat dan mematuhi garis panduan Bank Negara Malaysia dan Akta PDPA 2010 berkenaan jaminan kerahsian maklumat pengguna. Ejen- ejen yang dilantik tidak menyimpan atau melaburkan hasil kutipan zakat malah terus memindahkan ke akaun zakat MAIPk pada hari yang sama tanpa mengambil manfaat dari Kadar Keuntungan Semalaman (Overnight Placement). Sebagai balasan daripada perkhidmatan yang disediakan pihak Shopee, MAIPk membayar caj perkhidmatan sahaja melalui peruntukan bajet operasi Amil yang telah diperuntukkan dalam perbelanjaan tahunan yang diluluskan. Ia juga tidak melibatkan bahagian dari jumlah zakat yang dibuat oleh pembayar zakat serta menggunakan peruntukan agihan zakat bagi asnaf-asnaf yang lainnya.

Menurut kenyataan Visa dan Mastercard Malaysia, krisis kesihatan dan sekatan pergerakan menyebabkan pembayaran tanpa tunai meningkat hanya dalam tempoh beberapa bulan, bersamaan tiga tahun nilai pertumbuhan. Malaysia mencatatkan transaksi pembayaran tanpa tunai yang tinggi berbanding pasaran Asia Tenggara yang lain. Pada April 2020, jumlah pengguna Malaysia yang melakukan pembayaran tanpa tunai naik 18 peratus, dengan kad kredit dan debit menjadi penerima manfaat utama untuk trend tanpa tunai di Malaysia. Dalam tempoh sama, penggunaan tunai merosot dengan ketara sebanyak 64 peratus, dan jumlah mereka yang menggunakan kad kredit dan debit tanpa sentuhan, masing-masing naik 22 peratus dan 26 peratus. (dipetik Bernama; 11 Ogos 2020).

MAIPk sentiasa bersedia untuk berbincang dengan mana-mana pihak untuk menambah baik atau meningkatkan kaedah penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Masyarakat boleh memilih mana-mana saluran bayaran yang difikirkan sesuai dan selesa dengan prinsip atau pilihan masing-masing. Saya juga menyeru kepada semua pihak agar terus merujuk terlebih dahulu kepada pihak yang berwajib sebelum membuat sebarang ulasan sehingga ia bakal merugikan keharmonian dan usaha-usaha yang telah diatur untuk membangunkan ummah.

-TAMAT-


(SHAHRULHAZAM BIN SHAARI)
Ketua Pegawai Eksekutif,
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
21 Disember 2020